



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (9)
Tarikh : 29 Februari 2020

SIARAN MEDIA

HARI KOMUNITI NEGARA 2020

IPOH, 29 Februari 2020 – Sambutan Hari Komuniti Negara Tahun 2020 telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Perkarangan Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak. Program dua hari yang bermula 28 Februari itu merupakan program yang julung-julung kalinya diadakan bagi menyemarakkan muafakat komuniti hasil garapan Dasar Komuniti Negara dan Sambutan Hari Komuniti ini juga merupakan program *flagship* di bawah dasar tersebut.

Dengan tema “Komuniti Progresif, Negara Makmur”, Hari Komuniti Negara disambut bagi tujuan meraikan dan menghargai sumbangan serta kerjasama rakan-rakan strategik dalam usaha memperkasa komuniti demi mewujudkan komuniti dan generasi yang mampan. Terdapat 191 rakan-rakan strategik Dasar Komuniti Negara yang terdiri daripada jabatan/ agensi kerajaan, pihak swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Institut Pengajian Tinggi Awam/ Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTA/ IPTS). Sambutan ini juga adalah sebagai salah satu platform bagi mengiktiraf penglibatan dan sumbangan penduduk/ individu di PPR yang akan menjadi contoh kepada PPR lain.

Selain daripada itu, sambutan ini juga bertujuan mempamerkan pencapaian dan kejayaan aktiviti atau program yang dianjurkan oleh penduduk dan persatuan penduduk PPR bersama rakan strategik. Usaha ini adalah sebagai langkah bagi meningkatkan motivasi penduduk dan persatuan penduduk PPR lain agar bersama-sama menjayakan aspirasi kerajaan melalui pelaksanaan Dasar Komuniti Negara.

Di bawah Dasar Komuniti Negara, KPKT telah melaksanakan pelbagai program dengan kerjasama rakan-rakan strategik seperti Program Mendaya Komuniti, Program Pemerdayaan Ekonomi Komuniti Bandar, Program Komuniti Hub dan Program Eko-Komuniti. Kesemua program-program ini diselaras oleh Pejabat Muafakat Komuniti yang berperanan sebagai penggerak kepada aktiviti komuniti dan setakat ini, KPKT telah berjaya menubuhkan 19 buah pejabat tersebut.

Antara pengisian program semasa sambutan Hari Komuniti Negara adalah seperti berikut:

- a) *Fun Ride @ Ipoh City* pada 29 Februari 2020. Program ini dianjurkan dengan kerjasama pihak Majlis Bandaraya Ipoh;
- b) Program Senamrobik Perdana;
- c) Program penyediaan *popup art book* melibatkan 600 orang murid sekolah mengenai kebersihan dan penjagaan diri oleh Jabatan Pendidikan Negeri yang akan menerima pengiktirafan dari *Malaysia Book of Records*;
- d) Malam Kesenian Komuniti melibatkan persembahan Buskers, tarian kebudayaan oleh Pasukan Selendang Perak dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan;
- e) Pameran statik jentera termasuk helikopter oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, demonstrasi pemadaman api, penyelamatan di air dan pameran kereta perisai daripada Pasukan Gerakan Am (PGA) Perak;
- f) Jualan melibatkan *Foodtruck* dan pameran melibatkan agensi kerajaan dan swasta termasuk kaunter semakan saman dan pengurangan saman serta pemeriksaan kesihatan dan pergigian secara percuma;
- g) Pertandingan mewarna kanak-kanak yang melibatkan 300 orang kanak-kanak;
- h) Acara sukan seperti futsal, bola jaring, *e-sport (Mobile Legend)*, *wall climbing* dan lain-lain. Acara ini akan dikendalikan bersama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Perak;
- i) Pertandingan dan demonstrasi masakan; dan
- j) Penghargaan kepada komuniti dan rakan strategik.

Kementerian berharap agar program ini dapat mewujudkan titik kebersamaan dalam kalangan komuniti serta melahirkan lebih ramai pemimpin dan sukarelawan dalam kalangan komuniti berstarta khusus di bawah selian KPKT. Selain itu, penganjuran program ini akan melahirkan komuniti yang berdaya maju dan berupaya menjaga keharmonian kawasan kediaman masing-masing. Sebarang isu-isu berbangkit yang melibatkan komuniti dapat diselesaikan dengan lebih berkesan khususnya yang berkaitan dengan kebersihan, harta benda awam dan sebagainya selaras dengan matlamat Dasar Komuniti Negara.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my